

# **Persepsi Di Kalangan Pelajar Terhadap Penggunaan Bahasa Inggeris Di Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Universiti Teknologi Malaysia**

Mohammad Yusof Bin Arshad & Nurul Haini Binti Zakaria

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak :** Kajian ini dijalankan untuk mengetahui persepsi terhadap penggunaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar di Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. Terdapat tiga aspek kajian telah dikemukakan oleh penyelidik iaitu persepsi responden terhadap minat dan motivasi, pengajaran pensyarah dan persekitaran yang mempengaruhi penggunaan bahasa Inggeris. Responden kajian melibatkan sejumlah 157 orang yang terdiri daripada pelajar tahun satu dan tahun dua yang berlainan kursus di Fakulti Kejuruteraan Elektrik. Borang soal selidik telah digunakan bagi mendapatkan data berkaitan dengan kajian ini. Data dianalisis dengan mengira bilangan frekuensi, nilai min dan peratusan dengan menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science (SPSS) Version 11.5 For Windows*. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa responden memiliki tahap yang sederhana dari aspek minat dan motivasi, pengajaran pensyarah dan juga persekitaran terhadap penggunaan bahasa Inggeris. Namun begitu, tidak terdapat perbezaan dari segi aspek minat dan motivasi, pengajaran pensyarah dan juga persekitaran bagi responden lelaki dan perempuan berdasarkan ujian-t yang telah dijalankan. Perbincangan berkaitan dengan hasil dapatan data dan cadangan dikemukakan pada bahagian akhir perbincangan.

*Katakunci :* persepsi pelajar, penggunaan Bahasa Inggeris

## **Pengenalan**

Sebagai sebuah negara yang mengamalkan dasar demokrasi dan juga sistem pendidikan moden, Malaysia mempunyai hubungan pendidikan dengan negara-negara luar dan hubungan serta kerjasama pendidikan sangat diperlukan dalam memajukan pendidikan negara. Tambahan pula ekonomi negara dan dunia telah berganjak dari ekonomi pembuatan kepada ekonomi yang berpaksikan pengetahuan (K-ekonomi), seiring dengan revolusi teknologi maklumat dan telekomunikasi (ICT). Hampir keseluruhan situasi ini berlaku dengan menggunakan bahasa sebagai medium bagi tujuan komunikasi khususnya bahasa Inggeris.

Pembinaan bahasa merupakan proses yang berterusan berdasarkan kepada perubahan dan juga kemajuan yang dicapai dan dinikmati oleh sesuatu bangsa selaras dengan anjakan paradigma mereka bagi melambangkan identiti bangsa yang maju serta mencerminkan kekuatan pegamatan intelektual di masa kini. Mengukur kemajuan bahasa dan kesan bahasa tersebut akan memberikan maklum balas dan petunjuk akan kejayaan dan kemajuan yang telah dicapai sama ada kita mampu berdiri dan meletakkan diri di barisan dan kelompok bangsa yang kuat, maju, bermaruah, berintegriti dan cemerlang, ataupun sebaliknya.

Menyedari bahasa Inggeris adalah begitu penting pada masa kini, maka keperluan untuk menguasai bahasa tersebut semakin mendesak untuk melayakkan kita bersaing di peringkat global sekaligus meletakkan kita sebaris dengan negara-negara maju menjelang tahun 2020 akan datang. Tambahan pula, penggunaan bahasa Inggeris telah digunakan lebih dari 100 buah negara di seluruh dunia sebagai bahasa kedua. Oleh yang demikian, kejayaan melaksanakan pendidikan Sains dan Matematik dengan menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar merupakan langkah yang tepat bagi pelajar sebagai persediaan untuk berhadapan dengan

cabaran-cabaran dunia luar. Tambahan pula, ia merupakan asas bagi melahirkan masyarakat yang berpengetahuan dan mampu bersaing di peringkat antarabangsa.

Sepuluh tahun kemudian, bahasa Melayu telah diwartakan sebagai bahasa kebangsaan yang tunggal di Malaysia melalui Akta Bahasa Rasmi 1971. Kemuncak bagi penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar digunakan untuk mengajarkan semua mata pelajaran, kecuali bahasa Inggeris, dalam bahasa kebangsaan adalah pada tahun 1970 apabila kesemua sekolah kebangsaan memulakannya bagi proses pengajaran dan pembelajaran.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam sistem pendidikan pada masa dahulu ekoran kurangnya pelajar yang berkebolehan menguasai asas mata pelajaran Sains dan Matematik dan ada segelintir daripada mereka yang tidak tahu membaca. Oleh itu, Laporan Jawatankuasa Kabinet 1979 ditubuhkan dan mengesyorkan agar kurikulum pendidikan negara memberikan penekanan dan penegasan pendidikan terutamanya dalam bidang 3M iaitu membaca, menulis dan mengira. Bukan itu sahaja, malah melahirkan ramai guru-guru yang berkebolehan dalam bidang Sains dapat menangani masalah pelajar yang tidak dapat menguasai kemahiran asas ini. Begitu juga dari aspek kemudahan infrastruktur sekolah di mana ianya diberikan tumpuan yang lebih terutamanya di sekolah-sekolah luar bandar.

### **Pernyataan Masalah**

Fenomena kelemahan penguasaan bahasa Inggeris dikalangan pelajar pada hari ini berada di tahap yang membimbangkan. Apatah lagi, segala syarat kemasukan ke Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/IPTS) mengenakan segala syarat yang amat ketat kerana persaingan yang hebat di mana pelajar-pelajar berebut untuk mendapat tempat pengajian pada hari ini. Di bahagian iklan yang menggunakan surat khabar sebagai media penyampai, banyak dipaparkan tawaran biasiswa bagi pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran dan kepujian di dalam bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) merupakan salah satu syarat yang utama.

Usaha kerajaan bagi melaksanakan program Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris amat tepat bagi membantu anak bangsa menguasai bahasa tersebut untuk menghadapi persaingan yang hebat dalam era globalisasi hari ini. Pelajar-pelajar sekolah dan juga graduan dari Universiti ataupun Institusi Pengajian Tinggi yang setaraf dengannya menjadi tulang belakang, nadi kepada kepada pembangunan negara. Ini adalah kerana graduan-graduan dan lepasan sekolah zaman sekarang sedang melalui fasa hidup baru dan kebanyakan daripada mereka ini tidak sedar yang kurang fasih berbahasa Inggeris menjadi masalah utama bagi mendapatkan pekerjaan di mana-mana syarikat, besar, sederhana atau kecil.

Sehubungan daripada pernyataan-pernyataan di atas, tujuan penyelidik menjalankan kajian ini adalah untuk mengupas dan mengkaji akan faktor yang mempengaruhi penggunaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik di Universiti Teknologi Malaysia, kampus Skudai.

### **Objektif Kajian**

Kajian ini dibuat adalah bertujuan:

1. Untuk mengenalpasti faktor yang mempengaruhi penggunaan bahasa Inggeris bagi subjek Sains dan Matematik dari segi minat dan motivasi, pengajaran pensyarah dan persekitaran di kalangan pelajar di Fakulti Kejuruteraan Elektrik.

## **Kepentingan Kajian**

**Pelajar :** Kajian ini dilakukan adalah bertujuan untuk menyedarkan pelajar khususnya bahawa minat adalah merupakan salah satu penggerak dan pendorong bagi mencapai sesuatu matlamat. Kajian ini juga adalah untuk menambahkan keyakinan mereka bahawa mereka berupaya menguasai apa sahaja subjek atau mata pelajaran asalkan mempunyai kesedaran dan kesediaan untuk melaksanakannya. Bagi mengatasi faktor-faktor yang menyumbang kepada kelemahan penguasaan subjek-subjek ini, pelajar seharusnya mempunyai keinginan dan semangat serta disiplin yang tinggi seperti menunjukkan sikap positif terhadap ulangkaji mata pelajaran dan juga menyertai sesi pengajaran dalam kelas dengan aktif.

**Fakulti :** Kepentingan kajian supaya pihak fakulti dapat meningkatkan lagi mutu proses pengajaran terutama bagi kemudahan alat bantu mengajar seperti kemudahan LCD, *overhead* projektor dan juga layar skrin yang berkualiti. Penganjuran seminar, bengkel-bengkel dan juga kelas tambahan terhadap pelajar yang lemah dengan bimbingan pensyarah amat digalakkan bagi meningkatkan mutu pembelajaran dan juga tahap penguasaan bahasa Inggeris itu sendiri.

## **Reka Bentuk Kajian**

Penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik adalah berbentuk deskriptif yang menggunakan pendekatan tinjauan di mana ia mengambil data dalam masa tertentu sahaja (Mohamad Najib, 1999). Penyelidik hanya “meninjau” situasi pada suatu masa dan ini seolah-olah satu “*photo snapshot*” sesuatu peristiwa dan ia dapat membantu kajian lanjutan atau memenuhi kehendak penyelidikan seseorang penyelidik. Kaedah atau pendekatan tinjauan ini boleh memberi sumbangan yang penting kerana maklumat yang diperolehi dapat menentukan aliran masa kini dan menyelesaikan masalah yang dihadapi.

## **Populasi dan Sampel Kajian**

Menurut Azizi Yahaya dan rakan-rakannya (2007), sampel ialah sebahagian daripada populasi tanpa mengambil kira sama ada ia dapat mewakili populasi atau sebaliknya di mana populasi kajian merupakan satu set yang lengkap semua kumpulan yang memenuhi spesifikasi.

Untuk kajian menggunakan kaedah tinjauan ini, sampel yang dipilih adalah terdiri daripada pelajar yang menduduki Tahun Satu dan Tahun Dua. Sampel dipilih secara rawak bersistem daripada pelajar-pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Universiti Teknologi Malaysia. Populasi kajian adalah seramai 400 orang pelajar dan bilangan sampel yang dipilih untuk dijadikan sampel kajian adalah seramai 157 orang.

## **Kajian Rintis**

Sebelum kajian sebenar dijalankan, satu kajian rintis akan dijalankan ke atas 30 orang pelajar di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor. Tujuan kajian rintis dijalankan adalah kerana untuk mengetahui dan menguji akan kesesuaian set instrumen ke atas sampel kajian dan menepati apa yang hendak diukur oleh penyelidik. Selain itu, penyelidik dapat mengetahui sejauh manakah responden memahami akan soalan dan item-item yang dikemukakan yang merupakan salah satu kaedah bagi menguji kebolehpercayaan soalan dan item yang dibina.

## Analisis Data

Di bawah adalah Jadual 1 yang menunjukkan akan taburan responden mengikut peratusan dan min bagi faktor pengajaran pensyarah.

**Jadual 1: Taburan Responden Mengikut Peratusan Dan Min Bagi Faktor Pengajaran Pensyarah. (n=157)**

No Item	Item/Soalan	1 STS (%)	2 TS (%)	3 TP (%)	4 S (%)	5 SS (%)	Min
10	Perhatian saya terganggu apabila pensyarah menyampaikan kuliah dalam bahasa Inggeris terutama dalam subjek sains dan matematik.	4.5	7.6	13.4	52.2	22.3	3.80
11	Saya takut untuk bertanyakan soalan kepada pensyarah kerana saya perlu berbahasa Inggeris untuk melakukannya.	6.4	21.0	28.7	28.7	15.3	3.25
12	Personaliti pensyarah yang menarik mempengaruhi minat saya untuk mengikuti sesi pembelajaran.	1.9	7.6	15.3	47.8	27.4	3.91
13	Penggunaan suara pensyarah di dalam kelas menggunakan bahasa Inggeris adalah lantang dan jelas.	1.3	3.8	23.6	52.2	19.1	3.84
14	Ketika sesi pembelajaran berjalan, pensyarah saya tidak menggunakan bahasa lain selain bahasa Inggeris untuk pengukuhan pemahaman para pelajar.	4.5	42.0	28.0	21.7	3.8	2.78
15	Tahap penguasaan subjek pensyarah saya adalah baik dan sesuai menjadi tempat rujukan.	0.6	3.2	22.6	47.1	26.5	3.95
16	Penguasaan dan penggunaan bahasa Inggeris di kalangan pensyarah saya ketika penyampaian dalam kelas adalah baik dan memudahkan saya memahami akan maksudnya.	0.6	5.8	16.7	55.8	21.2	3.91

17	Penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) di dalam kelas amat membantu mengukuhkan kefahaman saya dalam menguasai pembelajaran menggunakan bahasa Inggeris.	0.6	3.9	23.9	54.2	17.4	3.84
----	---	-----	-----	------	------	------	------

**Purata Min = 3.66**

Jadual 1 di atas menunjukkan taburan responden mengikut peratusan dan min bagi faktor pengajaran pensyarah (pensyarah) terhadap penggunaan bahasa Inggeris dalam proses pembelajaran Sains dan Matematik adalah positif. Secara keseluruhannya min yang diperolehi ialah 3.66. Ini menunjukkan tahap penggunaan bahasa Inggeris terhadap proses pembelajaran dalam mata pelajaran Sains dan Matematik dari aspek pengajaran pensyarah adalah sederhana.

Dapatan daripada kajian mendapati bahawa pernyataan “tahap penguasaan subjek pensyarah saya adalah baik dan sesuai menjadi tempat rujukan” mencatat min tertinggi iaitu 3.95. Pernyataan “penguasaan dan penggunaan bahasa Inggeris di kalangan pensyarah saya ketika penyampaian dalam kelas adalah baik dan memudahkan saya memahami akan maksudnya” pula mencatat nilai min kedua tertinggi iaitu sebanyak 3.91.

Selain itu, pernyataan “personaliti pensyarah yang menarik mempengaruhi minat saya untuk mengikuti sesi pembelajaran” juga mencatatkan nilai bacaan min yang sama seperti pernyataan di atas iaitu sebanyak 3.91. Bagi pernyataan “penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) di dalam kelas amat membantu mengukuhkan kefahaman saya dalam menguasai pembelajaran menggunakan bahasa Inggeris” pula mencatatkan nilai min sebanyak 3.84.

“Penggunaan suara pensyarah di dalam kelas menggunakan bahasa Inggeris adalah lantang dan jelas” mencatatkan nilai yang sama seperti pernyataan di atas iaitu sebanyak 3.84. Hasil daripada dapatan kajian juga mendapati bahawa pernyataan “perhatian saya terganggu apabila pensyarah menyampaikan kuliah dalam bahasa Inggeris terutama dalam subjek Sains dan Matematik” mencatatkan nilai min ke empat tertinggi iaitu sebanyak 3.80.

Walaupun begitu, nilai min yang dicatatkan bagi pernyataan “saya takut untuk bertanyakan soalan kepada pensyarah kerana saya perlu berbahasa Inggeris untuk melakukannya” pula adalah sebanyak 3.25. Bagi pernyataan yang mempunyai nilai min 2.78 iaitu “ketika sesi pembelajaran berjalan, pensyarah saya tidak menggunakan bahasa lain selain bahasa Inggeris untuk pengukuhan pemahaman para pelajar”.

Peranan pensyarah adalah amat penting bagi memastikan sesi pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan sempurna di dalam kelas. Umum mengetahui bahawa pencapaian dan juga tahap perkembangan intelek individu adalah berbeza. Oleh tu, bagi mengatasi masalah responden untuk memahami istilah-istilah Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris, pensyarah perlu menggunakan pelbagai pendekatan yang sesuai bagi membantu memperkukuhkan kefahaman responden. Sebagai contoh, penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) di dalam kelas.

Penyediaan bahan bantu mengajar yang menarik dan berkesan adalah penting untuk menimbulkan minat responden bagi mempelajari Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Menurut Fryklund (1950), minat yang timbul dalam diri seseorang secara tidak langsung akan mempengaruhi proses pembelajarannya kerana apabila hadirnya minat itu, responden akan belajar dan menumpukan perhatian dengan bersungguh-sungguh. Bagi subjek Sains terutamanya, eksperimen yang dijalankan di dalam makmal banyak membantu pengukuhan pemahaman dikalangan responden kerana Sains adalah sesuatu yang abstrak. Ini dibuktikan dengan nilai

peratusan yang diperoleh hasil daripada dapatan kajian di mana majoriti responden bersetuju akan hal ini iaitu 54.2% bagi **Item 17** .

Penguasaan bahasa Inggeris dikalangan pensyarah amat mempengaruhi tahap pencapaian seseorang responden dari segi penguasaan subjek Sains dan Matematik dengan menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar (**Item 16**). Ini adalah kerana keyakinan pensyarah menuturkan kata dengan menggunakan bahasa Inggeris dapat menyuntik semangat responden untuk turut sama memperbaiki bahasa Inggeris mereka. Sebahagian daripada pensyarah juga sukar menjelaskan sesuatu konsep terutamanya dalam mata pelajaran Sains dan Matematik dengan baik menggunakan bahasa Inggeris. Alasan yang sering diberikan adalah kerana sistem pendidikan negara telah menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar hampir 30 tahun.

Begitu juga dengan tahap penguasaan subjek pensyarah. Ini adalah kerana pensyarah merupakan tempat untuk responden merujuk akan sesuatu yang sukar difahami, terutama apabila konsep Sains dan Matematik yang selama ini diajar menggunakan bahasa Melayu ditukarkan dengan menggunakan bahasa Inggeris bagi menggantikannya. Segelintir responden menyatakan ketakutan mereka untuk bertanya soalan kerana perlu berbahasa Inggeris di mana hasil dapatan kajian mendapati peratus bagi pernyataan ini adalah 28.7% seperti yang dinyatakan dalam **Item 11**. Sebagai seorang pensyarah yang prihatin akan golongan responden yang lemah tahap penguasaan bahasa Inggeris nya, penggunaan istilah bahasa Inggeris yang mudah adalah penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik. Ini adalah kerana ia menjadikan responden dapat mengukuhkan kefahaman terhadap pembelajarannya jika istilah bahasa Inggeris yang mudah digunakan.

Bagi menarik perhatian responden terutama ketika sesi pengajaran dan pembelajaran berjalan, suara dan intonasi pensyarah memainkan peranan di mana ia perlulah pelbagai dan fakta yang penting, diberikan penekanan yang lebih melalui suara yang sedikit lantang dan juga jelas untuk didengari oleh semua responden. Ini juga adalah untuk mengelakkan rasa bosan timbul dalam diri pelajar ketika proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Hal ini dibuktikan dengan peratusan dan nilai min yang tinggi hasil dapatan kajian daripada responden iaitu sebanyak 3.84 (**Item 13**), sesuai dengan Flanders (1965) dalam Syarifah Alwiah (1984) yang berpendapat bahawa hasil daripada kajian penyelidikan pengajaran telah menunjukkan 70% daripada perkara-perkara yang berlaku dalam bilik darjah ialah percakapan pendidik.

Walau bagaimanapun, hasil kajian juga mendapati bahawa pernyataan bagi **Item 14** memperoleh nilai min yang sangat rendah iaitu 2.78 dan peratusan tidak setuju yang sangat tinggi iaitu 42.0%. Ini adalah kerana tidak semua responden dapat menerima dan menjana sepenuhnya maklumat dari proses pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar. Dengan penggunaan sedikit bahasa selain bahasa Inggeris, secara tidak langsung ia membantu mengukuhkan lagi pemahaman para responden. Ini juga dapat mengelakkan terjadinya miskonsepsi terhadap kandungan pelajaran yang sedang dan telah dipelajari.

Kesimpulannya, dapatlah dirumuskan bahawa peranan pensyarah amat mempengaruhi pelajar di dalam bilik kuliah kerana pensyarah dilihat sebagai *role model* oleh pelajar. Penampilan dan gaya persembahan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran memainkan peranan yang penting dalam usaha untuk mengukuhkan pemahaman pelajar terutama bagi mereka yang lemah akan bahasa Inggeris. Ini adalah kerana bahasa Inggeris pada hari ini merupakan bahasa penghantar dalam sesuatu subjek dan pensyarah yang bertanggungjawab akan sedia dan sentiasa mengikuti perkembangan pelajarannya.

## **Perbincangan**

Setelah membincangkan hasil dapatan kajian di dalam bab sebelum ini , penyelidik telah membuat beberapa kesimpulan berdasarkan kepada maklumbalas responden terhadap ketiga-tiga persoalan yang dibangkitkan. Berdasarkan kepada tahap penilaian bagi faktor yang mempengaruhi

tahap penggunaan bahasa Inggeris terhadap pelajar, dapat dirumuskan bahawa faktor minat dan motivasi, pengajaran pensyarah dan juga persekitaran adalah berada pada tahap yang sederhana.

Maklumbalas yang diperoleh daripada responden adalah menunjukkan kesan positif akan penggunaan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Sains dan Matematik berdasarkan kepada nilai min yang diperoleh hasil dapatan kajian yang telah dijalankan. Responden yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik di mana subjek atau mata pelajaran yang dipelajari adalah amat mencabar. Sungguh pun begitu, bahasa tidak menjadi halangan bagi mereka untuk menuntut ilmu meskipun bahasa pengantar yang digunakan di dalam kelas adalah menggunakan bahasa Inggeris.

Walaupun berjauhan dengan keluarga ketika menuntut di Institusi Pengajian Tinggi, pengaruh daripada keluarga terhadap perkembangan minda pelajar khususnya responden amat mempengaruhi diri responden. Tahap pendidikan yang diterima semasa tinggal bersama keluarga sama ada secara formal atau non-formal mempengaruhi akan kemampuan responden untuk menerima atau mengaplikasikan bahasa Inggeris selain bahasa ibunda mereka sendiri.

Kebanyakan responden adalah berbangsa Melayu dan bahasa Malaysia menjadi bahasa utama pertuturan harian mereka. Bagi meningkatkan tahap penguasaan mereka dalam bahasa Inggeris adalah mengambil masa kerana sejak dari kecil lagi, pendedahan mereka terhadap bahasa Malaysia adalah lebih berbanding bahasa Inggeris. Kebijaksanaan pensyarah dalam menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran memainkan peranan yang penting di mana pendekatan tertentu diperlukan bagi mendekati dan menangani masalah pelajar yang lemah akan bahasa Inggeris ini.

Hasil dapatan kajian juga mendapati bahawa majoriti responden bersetuju dan sedar akan kepentingan penggunaan bahasa Inggeris hari ini dan faktor pengajaran pensyarah memainkan peranan yang sangat penting dalam menyuntik minat dan juga kesungguhan responden untuk mempelajari serta mendapatkan keputusan yang baik dalam semua subjek terutama Sains dan Matematik untuk melahirkan sebuah masyarakat yang berpengetahuan dan mampu bersaing di arena antarabangsa.

Anjakan atau perubahan yang dilakukan oleh kerajaan bagi menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa atau medium pengantar merupakan langkah yang bijak bagi mendedahkan pelajar akan kepentingan penguasaan bahasa Inggeris itu sendiri dan juga senario yang berlaku dalam dunia pekerjaan hari ini. Semua pihak perlu terlibat dalam mengembeling tenaga bersama-sama bagi membantu dan menangani masalah yang timbul dengan perubahan dasar pendidikan hari ini di mana penguasaan bahasa Inggeris dan juga subjek Sains serta Matematik di kalangan pelajar menjadi keutamaan.

## **Rujukan**

Azizi Yahaya, Shahrin Hashim et. al. (2007). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.

Blair, G. M., Jones R. S. & Simpson R. H (1975). *Education Psychology*. 4<sup>th</sup> Edition. New York: Mcmillan Publishing Co.

Chitravelu et. al (1995). *ELT Methodology: Principles And Practice*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Dehaven, E. P (1998). *Teaching And Learning The Language Arts*. 3<sup>rd</sup> Edition. London: Scott, Foresman And Company.

Dembo, M. H (1991). *Applying Educational Psychology In The Classroom*. 4<sup>th</sup> Edition. White Plains, New York: Longman.

Ee, Ah Meng (1990). *Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd

- Fryklund, V. C. (1950). *Trade And Job Analysis*. USA: The Bruce Publishing Co.
- Gage, N. L. & Berliner, D. C (1984). *Educational Psychology*. Boston: Houghton Mifflin.
- Hashim Musa (1996). Gelombang Kedua Hegemoni Bahasa Inggeris Dan Kelunturan Status Bahasa Melayu: Cabaran Dan Saranan. *Jurnal Dewan Bahasa*: Dis 2004 (1061-1063)
- J. L (1984). *Organization Behavior: Concept And Application*. London: Charles E Meril Publishing Company.
- Kamaruddin Hj. Husin (1990). *Pedagogi Bahasa*. Kuala Lumpur: Siri Pendidikan Longman
- Mok, Soon Sang (2002). *Pedagogi Untuk Kursus Diploma Perguruan*. Subang Jaya: Kump Budiman Sdn. Bhd
- Nazareena Che Muhammad (2007). *Penguasaan Bahasa Inggeris Dikalangan Pelajar-Pelajar Tahun 4SPA, E Dan J Fakulti Pendidikan, UTM: Kajian Tentang Status Penguasaan, Kebolehan Bertutur, Sikap, Motivasi*. Ijazah Sarjana Muda Sains, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai
- Omar Mohd Hashim (1993). *Pendidikan-Persoalan, Penyelesaian Dan Harapan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Parker, R. P. & Daly, M. E (1973). *Teaching English In The Secondary School*. New York: Free Press.
- Rohana Man (6 Oktober 2002). *Dasar Bahasa Inggeris-Ahli Akademik Cadang Projek Rintis*. Utusan Malaysia.
- S. Nathesan (2007). Mampukah Ia Bertahan. *Pelita Bahasa*. Jun 2007. 10-12
- Shafie Mohd Salleh (9 Februari 2006). *Majoriti Pensyarah IPTA Lulusan Luar Negara*. Bernama.
- Wilkins, D. (1972). *Linguistics In Languange Teaching*. London. Edward Arnold.
- Zulkifley Hamid (1990). *Masa Depan Bahasa Inggeris Di Malaysia: Satu Tinjauan Ringkas*. *Jurnal Dewan Bahasa*: Mac (183-188). 22-30